



17 September 2024
17 September 2024
P.U. (A) 244

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (INSENTIF TEKNOLOGI HIJAU) (PROJEK) (PENGECUALIAN) 2024

*INCOME TAX (GREEN TECHNOLOGY INCENTIVE)
(PROJECT) (EXEMPTION) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (INSENTIF TEKNOLOGI HIJAU) (PROJEK)
(PENGECUALIAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Projek) (Pengecualian) 2024**.

(2) Perintah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“aset teknologi hijau” ertinya suatu produk, kelengkapan atau sistem teknologi hijau yang digunakan untuk memulihara alam dan sumber semula jadi, untuk meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif aktiviti manusia;

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” ertinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

“perbelanjaan modal yang layak” ertinya suatu perbelanjaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 3.

Syarikat yang layak

3. (1) Syarikat yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia;
- (b) telah membuat suatu permohonan kelulusan bahawa syarikat itu menjalankan suatu aktiviti yang layak secara bertulis kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Januari 2020 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2023;
- (c) tidak membuat apa-apa perbelanjaan modal yang layak lebih awal dari tarikh permohonan yang disebut dalam subsubperenggan (b) dikemukakan;
- (d) telah mendapat suatu surat kelulusan berhubung dengan permohonan yang disebut dalam subsubperenggan (b); dan
- (e) telah memohon penentuan suatu tarikh permulaan tempoh pengecualian daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual setelah mendapat surat kelulusan yang disebut dalam subsubperenggan (d).

(2) Bagi maksud Perintah ini, “aktiviti yang layak” ertiya suatu aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual berhubung dengan sektor sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

Perbelanjaan modal yang layak

4. (1) Perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu perbelanjaan modal yang dilakukan oleh suatu syarikat yang layak berhubung dengan pembelian suatu aset teknologi hijau yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi maksud menjalankan suatu aktiviti yang layak.

(2) Perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembelian suatu aset teknologi hijau yang disediakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan pengarah atau individu yang merupakan anggota pengurusan atau pentadbiran, atau pekerja perkeranian, bagi syarikat yang layak itu.

Pengecualian

5. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak atau aktiviti selain suatu aktiviti yang layak, yang bersamaan dengan amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat yang layak itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah bagi suatu tempoh pengecualian selama tiga tahun berturut-turut bermula dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama dilakukan oleh syarikat yang layak itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri dan pematuhan syarat itu hendaklah ditentusahkan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation.

(3) Jika suatu syarikat yang layak memperoleh pendapatan berkanun daripada suatu aktiviti yang layak sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (1), syarikat yang layak itu hendaklah melakukan perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi yang diluluskan di Malaysia untuk menjalankan aktiviti yang layak itu bagi maksud perniagaannya dan perbelanjaan operasi tahunan itu hendaklah termasuk perkhidmatan tempatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

(5) Bagi maksud perenggan ini, "penyedia perkhidmatan tempatan" ertinya orang yang bermastautin di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan termasuk perkhidmatan berhubung dengan insurans, perundangan, perbankan, teknologi maklumat dan komunikasi, dan pengangkutan.

Pendapatan berkanun

6. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 5(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu aset teknologi hijau yang digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain aktiviti yang layak itu, maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat yang aset teknologi hijau itu digunakan bagi maksud aktiviti yang layak itu.

(3) Amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan yang disebut dalam subperenggan 5(1) hendaklah tidak melebihi tujuh puluh peratus bagi setiap tahun taksiran.

(4) Jika, oleh sebab sekatan pengecualian kepada tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun menurut subperenggan (3) atau ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun syarikat yang layak daripada aktiviti yang layak, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 5(1) bagi tahun taksiran itu, sekian banyak daripada amaun yang tidak boleh dikecualikan bagi tahun taksiran itu hendaklah disifatkan sebagai suatu perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi

maksud subperenggan 5(1) bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya dan demikianlah seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga semua amaun yang syarikat yang layak itu berhak sedemikian dikecualikan.

Pelupusan aset teknologi hijau

7. Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh suatu syarikat yang layak atas suatu aset teknologi hijau yang digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak dan aset teknologi hijau itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun dari tarikh perolehan aset teknologi hijau itu, pengecualian yang diberikan berkenaan dengan amaun pendapatan berkanun yang bersamaan dengan amaun perbelanjaan modal yang layak itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang aset teknologi hijau itu dilupuskan.

Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi aset teknologi hijau yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan

8. (1) Jika syarikat yang layak melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa aset teknologi hijau yang berkenaan dengannya suatu pengecualian dimohon oleh syarikat yang layak itu di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), "syarikat berkaitan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327].

Penarikan balik pengecualian

9. (1) Jika sesuatu syarikat yang layak telah diberikan suatu pengecualian di bawah subperenggan 5(1) tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu, Menteri boleh melalui notis bertulis menghendaki syarikat yang layak itu untuk menunjukkan sebab secara bertulis mengapa pengecualian itu tidak patut ditarik balik dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis bertulis itu.

(2) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 5(1) jika—

- (a) syarikat yang layak itu tidak mengemukakan sebab secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis bertulis itu disampaikan kepadanya di bawah subperenggan (1); atau
- (b) Menteri tidak berpuas hati dengan sebab yang diberikan oleh syarikat yang layak itu bagi tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(3) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (2), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 5(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat yang layak itu dari tahun pertama tempoh pengecualian.

Pemberhentian pemakaian

10. (1) Tertakluk kepada perenggan 9, mana-mana syarikat yang layak boleh, pada bila-bila masa, memohon secara bertulis kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia supaya Perintah ini terhenti terpakai bagi syarikat yang layak itu.

(2) Pemberhentian pemakaian Perintah ini hendaklah berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh kelulusan pemberian pengecualian oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia; atau
- (b) dalam hal suatu syarikat yang layak telah melakukan perbelanjaan modal yang layak, pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan bagi pemberhentian pemakaian Perintah ini diterima oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Punca berasingan dan akaun berasingan

11. (1) Jika suatu syarikat yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak dan aktiviti selain aktiviti yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca aktiviti berasingan dan berlainan bagi syarikat yang layak itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan suatu pengecualian di bawah subperenggan 5(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

Menyenggara rekod berasingan

12. Syarikat yang layak hendaklah menyenggara suatu rekod yang berasingan bagi perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat yang layak itu bagi maksud pengecualian di bawah subperenggan 5(1).

Ketidakpakaian

13. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang layak yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7_A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7_B kepada Akta berkenaan dengan aset teknologi hijau yang sama;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 kecuali bagi—
 - (i) taraf perintis; atau
 - (ii) elaun cukai pelaburan berkenaan dengan suatu aset yang tidak diberikan pengecualian di bawah Perintah ini;

- (c) telah diberikan suatu pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta kecuali—
- (i) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2006 [P.U. (A) 112/2006];
 - (ii) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 12) 2006 [P.U. (A) 113/2006] berkenaan dengan suatu aset yang tidak diberikan pengecualian di bawah Perintah ini;
 - (iii) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 [P.U. (A) 207/2006] berkenaan dengan suatu pemberian selain pemberian yang diberikan bagi pembelian suatu aset teknologi hijau di bawah Perintah ini; atau
 - (iv) Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Aset) (Pengecualian) 2024 [P.U. (A) 243/2024] berkenaan dengan suatu aset teknologi hijau di bawah sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan; atau
- (d) telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
- (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elauan di bawah Jadual 3 kepada Akta;
 - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [P.U. (A) 129/2006]; atau
 - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausaha dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [P.U. (A) 162/2020].

JADUAL
[Subsubperenggan 3(1)(e) dan subperenggan 3(2)]

(1) Bil.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Tempoh untuk memohon penentuan suatu tarikh permulaan tempoh pengecualian
1.	Tenaga boleh diperbaharui	<p>Entiti perniagaan komersial dan perindustrian yang menjalankan penjanaan tenaga dalam bentuk elektrik, stim, haba dan air sejuk menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) biojisim (b) biogas (c) hidro mini (d) geoterma (e) kuasa suria 	<p>(a) 12 bulan dari tarikh surat kelulusan diberikan atau apa-apa tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri berhubung dengan sumber tenaga boleh diperbaharui daripada kuasa suria; atau</p> <p>(b) 24 bulan dari tarikh surat kelulusan diberikan atau apa-apa tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri berhubung dengan sumber tenaga yang boleh diperbaharui daripada biojisim, biogas, hidro mini dan geoterma</p>

(1) Bil.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Tempoh untuk memohon penentuan suatu tarikh permulaan tempoh pengecualian
2.	Kecekapan tenaga	Syarikat yang melabur dalam kelengkapan atau teknologi kecekapan tenaga dan melabur dalam kelengkapan penjimatan tenaga	12 bulan dari tarikh surat kelulusan diberikan atau apa-apa tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri
3.	Pusat data hijau	Syarikat yang membeli mana-mana keluaran cekap tenaga atau penyelesaian untuk pusat data hijau yang telah memperoleh suatu Perakuan Bangunan Hijau Sementara daripada alat penarafan yang dibangunkan secara tempatan atau badan pengesahan yang diluluskan oleh Kerajaan	12 bulan dari tarikh surat kelulusan diberikan atau apa-apa tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri
4.	Pengurusan sisa bersepadu	Syarikat yang menjalankan atau melabur dalam kitar semula sisa atau pemulihan sisa atau rawatan sisa dan aktiviti tambahan seperti pengomposan, penyimpanan, pungutan atau pelupusan	24 bulan dari tarikh surat kelulusan diberikan atau apa-apa tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri

Dibuat 10 September 2024

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/7/756; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-224; PN(PU2)80/JLD.112]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (GREEN TECHNOLOGY INCENTIVE) (PROJECT)
(EXEMPTION) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Green Technology Incentive) (Project) (Exemption) Order 2024**.

(2) This Order is deemed to have effect from the year of assessment 2020.

Interpretation

2. In this Order—

“green technology asset” means a green technology product, equipment or system which is used to conserve the natural environment and resources, to minimize or reduce the negative impact of human activities;

“Malaysian Investment Development Authority” means the Malaysian Investment Development Authority established under the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [*Act 397*];

“Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation” means a company incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*];

“qualifying capital expenditure” means an expenditure as provided under paragraph 4;

“qualifying company” means a company as provided under paragraph 3.

Qualifying company

3. (1) A qualifying company referred to in this Order is a company which—
- (a) is incorporated under the Companies Act 2016 and resident in Malaysia;
 - (b) has made an application for approval that the company is carrying on a qualifying activity in writing to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority and the application is received on or after 1 January 2020 but not later than 31 December 2023;
 - (c) has not made any qualifying capital expenditure earlier than the date the application referred to in sub subparagraph (b) is submitted;
 - (d) has obtained a letter of approval in relation to the application referred to in subparagraph (b); and
 - (e) has requested for the determination of a commencement date of the exemption period from the Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation within the period as specified in column (4) of the Schedule after obtaining a letter of approval referred to in subparagraph (d).
- (2) For the purposes of this Order, “qualifying activity” means an activity as specified in column (3) of the Schedule in relation to the sector as specified in column (2) of the Schedule.

Qualifying capital expenditure

4. (1) A qualifying capital expenditure referred to in this Order is a capital expenditure incurred by a qualifying company in relation to the purchase of a green technology asset used in Malaysia solely for the purpose of carrying on a qualifying activity.

(2) The qualifying capital expenditure referred to in subparagraph (1) shall not include capital expenditure incurred on the purchase of a green technology asset which is provided wholly or partly for the use of a director or an individual who is a member of the management or administration, or clerical staff, of that qualifying company.

Exemption

5. (1) The Minister exempts a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of the statutory income derived from a qualifying activity or activity other than a qualifying activity, which is equivalent to the amount of qualifying capital expenditure incurred by the qualifying company in the basis period for that year of assessment.

(2) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for an exemption period of three consecutive years commencing from the date the first qualifying capital expenditure is incurred by the qualifying company subject to any condition imposed by the Minister and the compliance of the conditions shall be verified by the Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation.

(3) Where a qualifying company derives statutory income from a qualifying activity as specified in subparagraph (1), the qualifying company shall incur an approved adequate annual operating expenditure in Malaysia to carry on the qualifying activity for the purposes of its business and the annual operating expenditure shall include local services provided by local service provider.

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of account or to furnish any other information under the Act.

(5) For the purposes of this paragraph, "local service provider" means a person resident in Malaysia which provides services including services in relation to insurance, legal, banking, information and communication technology, and transportation.

Statutory income

6. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 5(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which falls to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where a green technology asset that is used for the purposes of a qualifying activity is also used for the purposes of an activity other than the qualifying activity, then the amount of allowances which falls to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the green technology asset is used for the purposes of the qualifying activity.

(3) The amount of statutory income so exempt referred to in subparagraph 5(1) shall not exceed seventy per cent for each year of assessment.

(4) Where, by reason of the restriction of the exemption to seventy per cent of the statutory income pursuant to subparagraph (3) or of the absence or insufficiency of the statutory income of the qualifying company from the qualifying activity, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying company is entitled under subparagraph 5(1) for that year of assessment, so much of the amount as cannot be exempt for that year of assessment shall be deemed to be a qualifying capital expenditure incurred for the purposes of subparagraph 5(1) for the first subsequent year of assessment and so on for subsequent years of assessment until such amount to which the qualifying company is so entitled is exempted.

Disposal of green technology asset

7. Where a qualifying capital expenditure is incurred by a qualifying company on a green technology asset that is used for the purposes of a qualifying activity and such green technology asset is disposed of at any time within the period of five years from the date of acquisition of the green technology asset, the exemption granted in respect of the amount of statutory income which is equal to the amount of such qualifying capital expenditure shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the green technology asset is disposed of.

Determination of qualifying capital expenditure for green technology asset disposed to related company

8. (1) Where the qualifying company disposes to its related company any green technology asset in respect of which an exemption is applied by the qualifying company under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

(2) For the purposes of subparagraph (1), "related company" has the meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327].

Withdrawal of exemption

9. (1) Where a qualifying company which has been granted an exemption under subparagraph 5(1) fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption, the Minister may by notice in writing require the qualifying company to show cause in writing why the exemption should not be withdrawn within thirty days from the date of service of the notice in writing.

(2) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 5(1) where—

- (a) the qualifying company has failed to provide written reasons within thirty days from the date of the notice in writing is served on it under subparagraph (1); or
- (b) the Minister is not satisfied with the reasons given by the qualifying company for failing to comply with any of the conditions imposed in relation to the exemption.

(3) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (2), the exemption granted in respect of any amount of the statutory income under subparagraph 5(1) shall be deemed to have not been granted to the qualifying company from the first year of the exemption period.

Cessation of application

10. (1) Subject to paragraph 9, any qualifying company may, at any time, apply in writing to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority so that this Order ceases to apply to the qualifying company.

(2) The cessation of application of this Order shall have effect—

- (a) on the date of approval of the granting of the exemption by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority; or
- (b) in the case of a qualifying company which has incurred qualifying capital expenditure, on the first day in the basis period for the year of assessment in which the application for the cessation of application of this Order is received by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority.

Separate source and separate account

11. (1) Where a qualifying company carries on a qualifying activity and activity other than a qualifying activity, each activity shall be treated as a separate and distinct source of activity for the qualifying company.

(2) The qualifying company which is granted an exemption under subparagraph 5(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

Maintaining separate records

12. The qualifying company shall maintain a separate record for qualifying capital expenditure which the qualifying company incurred for the purposes of exemption under subparagraph 5(1).

Non-application

13. This Order shall not apply to a qualifying company which in the basis period for a year of assessment—

(a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act in respect of the same green technology asset;

(b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 except for—

(i) pioneer status; or

(ii) investment tax allowance in respect of an asset which has not been granted exemption under this Order;

(c) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act except—

- (i) the Income Tax (Exemption) (No. 11) Order 2006 [P.U. (A) 112/2006];
 - (ii) the Income Tax (Exemption) (No. 12) Order 2006 [P.U. (A) 113/2006] in respect of an asset which has not been granted exemption under this Order;
 - (iii) the Income Tax (Exemption) (No. 22) Order 2006 [P.U. (A) 207/2006] in respect of a grant other than the grant given for the purchase of a green technology asset under this Order; or
 - (iv) the Income Tax (Green Technology Incentive) (Asset) (Exemption) Order 2024 [P.U. (A) 243/2024] in respect of a green technology asset under rainwater harvesting system; or
- (d) has made a claim for a deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
- (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
 - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [P.U. (A) 129/2006]; or
 - (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [P.U. (A) 162/2020].

SCHEDULE

[Subsubparagraph 3(1)(e) and subparagraph 3(2)]

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Period to apply for the determination of a commencement date of the exemption period
1.	Renewable energy	<p>Commercial and industrial business entities which undertake generation of energy in the form of electricity, steam, heat and chilled water using renewable energy resources as follows:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) biomass (b) biogas (c) mini hydro (d) geothermal (e) solar power 	<ul style="list-style-type: none"> (a) 12 months from the date of the letter of approval is granted or any period as the Minister may allow in relation to renewable energy resources from solar power; or (b) 24 months from the date of the letter of approval is granted or any period as the Minister may allow in relation to renewable energy resources from biomass, biogas, mini hydro and geothermal

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Period to apply for the determination of a commencement date of the exemption period
2.	Energy efficiency	Companies investing in energy efficient equipment or technologies and invest in energy saving equipment	12 months from the date of the letter of approval is granted or any period as the Minister may allow
3.	Green centre data	Companies that purchased any energy efficient product or solution for green data centre which have obtained a Provisional Green Building Certificate from locally developed rating tool or certification body approved by the Government	12 months from the date of the letter of approval is granted or any period as the Minister may allow
4.	Integrated waste management	Companies which undertake or invest in waste recycling or waste recovery or waste treatment and additional activities such as composting, storage, collection or disposal	24 months from the date of the letter of approval is granted or any period as the Minister may allow

Made 10 September 2024

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/7/756; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-224; PN(PU2)80/JLD.112]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Finance Minister II

[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]